

Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial Di Universiti Selangor

Muhammad Hafiy Bin Abdul Rashid
Mumtazah binti Narowi
Jabatan Pengajian Umum dan Bahasa

Abstrak

Pelbagai amalan sunnah Rasulullah saw yang telah baginda tinggalkan kepada umatnya dan boleh menjadi sebagai satu amalan harian. Namun, tidak dapat dinafikan adakalanya umat Islam gagal melaksanakan amalan sunnah itu secara konsisten. Kurang pengetahuan terhadap definisi sunnah juga merupakan salah satu faktor pengabaianya iaitu apabila dikerjakan mendapat ganjaran pahala dan tidak pula berdosa jika ditinggalkan. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat pengamalan sunnah yang dilakukan oleh pelajar Islam Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor. Kajian berbentuk deskriptif ini juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan sunnah dalam kalangan pelajar Islam serta menganalisis beberapa amalan-amalan sunnah yang diamalkan oleh pelajar. Justeru itu, kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah soal selidik ke atas 50 orang responden. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan min serta pengujian statistik menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 22.0. Hasil kajian terhadap tahap pengetahuan sunnah dalam kalangan pelajar Islam ialah pada tahap sederhana iaitu 45.4% sahaja. Dari aspek pengamalan sunnah pula, membasuh tangan merupakan amalan yang kerap dilakukan iaitu dengan skor min 4.64 dan secara keseluruhannya pengamalan sunnah di kalangan pelajar Islam adalah pada tahap tinggi dengan skor min 3.81. Walaupun pengetahuan pelajar terhadap sunnah agak sederhana namun pengamalan sunnah masih lagi diamalkan dikalangan pelajar.

Kata Kunci: *Pengamalan Sunnah, Nabi Muhammad, Pelajar Islam*

Pengenalan

Sunnah adalah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, penetapan sifat tubuh badannya atau sikap peribadi baginda (al-Furaih, 2016). Ia merupakan satu wahyu Allah yang asal dan kandungannya dilafazkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ini menjadikan sunnah sebagai satu garis sama seperti al-Quran yang menjadi sumber utama dalam memahami ajaran Islam (Aminudin, Radzi & Nik Yusri, 2006). Menurut pandangan Al-Qaradawi, sunnah merupakan metodologi pemahaman nas-nas agama dan bukan hanya sekadar sumber hukum (Sholihah, Latifah, Arif & Ahamad, 2016). Ia merupakan suatu jalan atau manhaj yang lengkap dan sebagai pentafsir al-Quran yang menggambarkan Islam sebagai cara kehidupan individu dan masyarakat yang sempurna (Bashah, 2011).

Sememangnya Islam itu sangat mudah difahami jika mengikuti Al-Quran dan sunnah. Oleh itu, seseorang itu perlu memahami sunnah dengan tepat dan betul serta mengamalkannya dan tidak terus melulu percaya dengan sesuatu perkara yang dikhabarkan tanpa melihat kepada perawinya (Aminudin, Radzi & Nik Yusri, 2006).

Dari aspek pengamalan sunnah, kurang pengetahuan dan kegagalan memahami definisi sunnah merupakan antara faktor pengabaianya dengan alasan ia hanya perbuatan sunat sahaja dan sekiranya tidak melakukannya tidak mendapat dosa. Sedangkan konteks sunnah itu amat luas sehingga termasuk dalam perkara wajib yang dilaksanakan seharian seperti solat. Perkara-perkara sunat yang biasa dilaksanakan seperti solat sunat merupakan sebahagian kecil daripada sunnah Nabi Muhammad SAW. Adalah lebih baik sekiranya kefahaman tentang sunnah diaplikasikan dalam diri setiap individu muslim dan dijadikan contoh dalam kehidupan seharian. Kefahaman yang baik terhadap sunnah ini dapat diberikan gambaran oleh seseorang itu dengan menyaksikan kehidupan yang lebih baik dengan mengamalkan sifat-sifat yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, mencontohi Nabi Muhammad SAW adalah dengan melaksanakan sunnah baginda.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah."

(Surah al-Ahzab, ayat 21)

Justeru, amalan sunnah sangat dituntut bagi seseorang itu kerana ia merupakan suatu kekuatan untuk membentuk keyakinan dalam diri dengan adanya ikutan yang terbaik.

Penyataan Masalah

Sunnah merupakan satu gaya hidup yang sangat disarankan kepada umat Nabi Muhammad SAW kerana ia berpandukan kepada gaya hidup baginda. Ia memberikan satu impak yang besar kepada pelajar terutama dari aspek perubahan akhlak dan peribadi terutama mereka yang mengamalkannya. Jika seseorang pelajar tidak mempunyai identiti dan rujukan dalam diri akan membawa seseorang menyimpang jauh dari tujuan hidup yang sebenar. Ini terbukti apabila gejala sosial di Malaysia yang semakin hari tidak dipedulikan oleh masyarakat dan mula menular dikalangan diri pelajar kerana ketiadaan pendirian hidup (Baharom, Ali & Za'aba, 2008). Perlu ditegaskan permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan kerana institusi pendidikan merupakan tempat proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Kajian ini meneliti beberapa aspek permasalahan kajian. Antaranya, kurang pengetahuan dan kefahaman pelajar Islam terhadap sunnah Rasulullah SAW. Akibat kurang pengetahuan dan kefahaman tersebut memberi impak kepada pelajar terutama dalam mengamalkan sunnah tersebut. Kajian ini juga akan meneliti amalan sunnah yang sering diamalkan oleh pelajar. Justeru, kajian ini akan menjawab beberapa objektif kajian yang berkaitan dengan pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Selangor.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap pengetahuan sunnah dalam kalangan pelajar Islam Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor
2. Mengetahui beberapa amalan sunnah yang diamalkan oleh pelajar Islam Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor

Sorotan Literatur

Agama Islam amat menitikberatkan tentang akhlak dan penjagaan maruah seseorang termasuk aspek penjagaan aurat sesama Insan. Sememangnya Islam telah mengajar kita melalui sunnah Rasulullah SAW yang seharusnya jadi wadah utama dalam menghindarkan diri dari terjebak dalam kancan pergaulan bebas yang membawa kepada kerosakan dan kemurkaan Allah SWT (Roslan, Dasima, Anuar & Abdulsoma, 2015).

Pengamalan sunnah sebagai suatu amalan harian turut menjadi satu perbincangan dalam kalangan ahli akademik. Terdapat beberapa kajian terhadap pengamalan sunnah dan ajaran Islam dalam kalangan awal remaja, pelajar sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi. Dalam kajian Bhasah (2011), pengamalan sunnah pelajar sekolah menengah adalah pada 3.14 pada skala 4 yang boleh dianggap sebagai satu dapatan yang baik. Kajian ini dilakukan kepada 101 pelajar sekolah menengah yang mana mereka merupakan kalangan awal remaja.

Menurut kajian Kartini dan Fariza (2013), tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar dikaji dalam semua aspek iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Kajian pengamalan ajaran Islam dari aspek ibadah dan akhlak adalah meliputi pengamalan sunnah Nabi SAW. Hasil kajian ini menunjukkan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar masih tinggi iaitu 94% dari aspek ibadah dan 96% adalah akhlak.

Terdapat juga kajian yang dilaksanakan oleh Mohd & Khairi (2017) terhadap pelajar Politeknik Sultan Halim Mu'adzam Shah tentang kefahaman dan pengamalan akhlak Islam dalam kehidupan seharian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kefahaman akhlak iaitu 0.94 dan pengamalan akhlak iaitu 0.97 adalah tinggi. Dapatan kajian mendapati tahap kefahaman ajaran Islam meliputi akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tertinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Manakala dapatan kajian mendapati tahap pengamalan ajaran Islam meliputi akhlak juga tinggi. Namun terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham terutama perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Oleh itu, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penekanan aspek pengamalan ajaran Islam sangat penting agar pelajar menjadi seorang muslim yang mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan harian berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini merupakan suatu kajian berbentuk deskriptif yang merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan amalan sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Selangor. Kajian ini merangkumi data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan menganalisis dokumen bagi mendapatkan data kajian dari bahan ilmiah seperti buku dan artikel. Ia juga berfungsi sebagai kaedah pengumpulan data.

Selain itu, data kuantitatif diperoleh melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui *google form*. Menurut Majid Konting (2005), ketidak hadirannya penyelidik semasa

responden memberikan jawapan akan mendorong responden untuk memberikan jawapan yang lebih tepat dan benar. Soal selidik ini diedarkan kepada 50 orang pelajar Islam di Universiti Selangor. Analisis data bagi kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science (SPSS) For Windows (version 22.0)* iaitu analisis deskriptif bagi mengetahui peratusan, kekerapan, sisihan piawai dan min.

Dapatan Kajian

Analisis Data

a. Demografi Responden

BIL	FAKTOR	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUSA N%
1	Jantina	Lelaki	9	18.0
		Perempuan	41	82.0
2	Umur	17-19	19	38.0
		20-22	18	36.0
		23-25	13	26.0
3	Tahun Belajar	Tahun 1	27	54.0
		Tahun 2	8	16.0
		Tahun 3	15	30.0

Jadual 1: Demografi Responden

Berdasarkan jadual 1, seramai 50 orang pelajar menjadi responden dalam kajian ini. Jantina responden dikelaskan mengikut umur. Majoriti responden bagi kajian ini adalah perempuan iaitu 41 orang responden dengan jumlah peratusan sebanyak 82% manakala 9 orang pelajar lelaki dengan peratusan 18%. Seterusnya, peringkat umur responden dalam kajian ini ialah 17-19 tahun iaitu seramai 19 orang dengan peratusan sebanyak 38%, 20-22 tahun seramai 18 orang dengan peratusan 36% dan 23-25 tahun seramai 13 orang dengan peratusan sebanyak 26%. Kajian ini juga mengambil kira tahun belajar di Universiti Selangor iaitu tahun 1 seramai 27 orang dengan peratusan 54%, 8 orang pada tahun 2 iaitu 16% dan 15 orang pada tahun 3 bersamaan 30%. Pemilihan responden mengikut tahun belajar bertujuan untuk mengetahui tahap pelajar yang mengamalkan sunnah sama ada pelajar baharu atau pelajar lama.

b. Pengetahuan responden.

Dapatan kajian yang seterusnya adalah mengenai tahap pengetahuan responden terhadap sunnah Rasulullah saw. Tahap ini akan dikaji mengikut kekerapan jawapan yang dipilih oleh responden sama ada 'Ya' atau 'Tidak'. Segala dapatan telah dijadualkan seperti yang terdapat dalam Jadual 2 berikut:

BIL	FAKTOR	YA		TIDAK	
		KEKERAPAN	PERATUS	KEKERAPAN	PERATUS
1	Sunnah adalah hanya perbuatan Nabi Muhammad SAW	31	62%	19	38%
2	Sunnah adalah hanya percakapan Nabi Muhammad SAW	14	28%	36	72%
3	Sunnah adalah hanya taqir Nabi Muhammad SAW	50	100%	0	0%
4	Allah memberi ganjaran kepada mereka yang melakukan sunnah	20	40%	30	60%
5	Sunnah terdapat di dalam Al-Quran	29	58%	21	42%
6	Sunnah keadaan yang dah lapok dan tidak perlu diikuti	2	4%	48	96%
7	Sunnah memberikan kebaikan kepada seseorang	50	100%	0	0%
8	Sunnah dan hadith adalah sama	24	48%	26	52%
9	Sunnah hanya untuk lelaki	0	0%	50	100%
10	Solat merupakan amalan sunnah	7	14%	43	86%
	JUMLAH KEKERAPAN	227	45.4%	273	54.6%


Jadual 2: Pengetahuan Responden

Berdasarkan Jadual 2, tahap pengetahuan responden adalah rendah apabila 62% bersetuju sunnah hanyalah perbuatan baginda Rasulullah saw. Begitu juga pada item ketiga, apabila kekerapan responden seramai 50 orang menyatakan 'Ya' dengan peratusan sebanyak 100% sunnah hanyalah *taqir* (pengakuan) baginda Rasulullah saw. Seramai 36 responden menjawab 'Tidak' apabila sunnah hanyalah percakapan baginda Rasulullah saw iaitu 72%, sedangkan takrifan sunnah adalah

adalah meliputi percakapan, perbuatan dan pengakuan (*taqrir*) baginda. Terdapat juga kekerapan responden menjawab ‘Tidak’ terhadap pernyataan bahawa Allah akan memberikan ganjaran kepada mereka yang melakukan amalan sunnah iaitu seramai 30 orang dengan peratusan sebanyak 60%. Hanya 20 orang responden menjawab ‘Ya’ dengan peratusan 40%. Seterusnya item kelapan, tahap pengetahuan responden adalah rendah iaitu seramai 24 orang responden menjawab ‘Ya’ dengan peratusan 48% manakala 26 orang menjawab ‘Tidak’ dengan kekerapan seramai 26 orang responden iaitu 52%. Pada item kesepuluh, seramai 7 orang responden menjawab ‘Ya’ dengan peratusan sebanyak 14% dan 86% bersamaan 43 responden memilih tidak terhadap pernyataan solat merupakan amalan sunnah. Analisa secara keseluruhannya terhadap tahap pengetahuan sunnah dalam kalangan pelajar di Universiti Selangor adalah pada tahap sederhana iaitu 45.4%.

c. Pengamalan Sunnah dalam kalangan pelajar.


Dapatan kajian seterusnya adalah mengenai pengamalan sunnah yang sering diamalkan oleh pelajar Universiti Selangor. Bagi dapatan ini, penerimaan responden akan dinilai berdasarkan pengiraan melalui SPSS untuk mendapatkan indeks purata bagi setiap perkara yang dinyatakan dalam borang soal selidik. Segala dapatan telah dijadualkan seperti yang terdapat dalam jadual berikut:



Jadual 3: Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Unisel (Perbuatan)

Berdasarkan Jadual 3 di atas, adalah analisis terhadap pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Universiti Selangor dari aspek perbuatan. Item ke 7 (membasuh tangan sebelum makan) menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.64. Berdasarkan graf interpretasi min yang digunakan item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item ke 11 (makan di dalam talam) iaitu 2.18. Pada item ke 6 (menepati janji) min adalah 3.72. Walau bagaimanapun nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa pelajar Universiti Selangor masih mempunyai amalan sunnah yang menjadi amalan seharian. Seterusnya bagi keseluruhan pengetahuan sunnah dalam kalangan pelajar di Universiti Selangor adalah min ialah 3.81 yang menunjukkan bahawa nilai min tersebut adalah

tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar Universiti Selangor mempunyai pengamalan sunnah seharian dengan baik.



Jadual 3: Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Unisel (Percakapan)

Berdasarkan Jadual 3, pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar dari aspek percakapan mempunyai skor min tertinggi sebanyak 4.56 dan skor min terendah 3.48. Ini menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap min yang tinggi. Berdasarkan analisis tersebut secara keseluruhan pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Universiti Selangor adalah baik. Namun, terdapat sebahagian kecil pelajar sahaja yang kurang melakukan amalan sunnah Nabi Muhammad SAW. Item pengamalan sunnah bagi konsep percakapan menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.56 bagi item ke 9 iaitu bercita-cita untuk belajar tinggi. Berdasarkan jadual interpretasi min yang digunakan, item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item 1 (bercakap dengan lemah lembut) iaitu dengan skor min 3.48. Walau bagaimanapun, nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Universiti Selangor dari aspek percakapan masih tinggi dan sangat baik dalam diri pelajar kerana rata-rata pelajar masih mengamalkannya.

Perbincangan Dan Cadangan

Dapatan kajian kuantitatif ini menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar terhadap maksud sunnah adalah pada tahap yang sederhana. Pelajar juga kurang memahami konsep sunnah dan hadith terutama dari sudut takrifan atau definisi. Sunnah dan hadith mempunyai tafsiran yang berbeza menurut pendapat ulama Usul Fiqh. Menurut ulama Usul Fiqh, sunnah adalah kata-kata, perbuatan dan *taqrir*. Mereka mengkaji hadith sebagai sumber hukum syariat seperti wajib, haram, sunat, harus dan makruh. Selain itu, Ulama Fiqh menyatakan bahawa sunnah adalah perkara-perkara sunat yang apabila dilakukan akan mendapat pahala dan meninggalkannya tidaklah berdosa. Oleh yang demikian, perbezaan maksud antara hadith dan sunnah perlu difahami dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, pelajar masih mengetahui bahawa ganjaran atau pahala menanti mereka sekiranya melakukan sunnah Rasulullah SAW.

Dari aspek pengamalan sunnah, pelajar masih lagi mengamalkan sunnah Rasulullah saw pada tahap yang agak tinggi. Walaupun pelajar kurang pengetahuan terhadap konsep sunnah, tetapi dari aspek pengamalan sunnah masih lagi diamalkan. Ini memberikan suatu impak yang baik kepada pelajar untuk membentuk sahsiah diri yang baik. Penerapan nilai murni dan amalan sunnah perlu terus diterapkan dalam kalangan pelajar.

Justeru, peranan Unisel sebagai salah sebuah institusi pendidikan, perlu mengambil inisiatif dalam menggerakkan pelajar Islam untuk mengetahui dan seterusnya memahami konsep sunnah itu. Pihak universiti juga boleh membentuk program atau kursus wajib bagi setiap pelajar Islam terutama melibatkan akhlak Islam. Para pensyarah juga disarankan untuk menekankan pelaksanaan amalan fardhu ain di sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu juga, kaedah dakwah dan kaunseling yang bersesuaian perlulah digunakan bagi menarik minat dan membimbing pelajar agar mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian.

Semua pelajar perlulah senantiasa belajar untuk memahami amalan sunnah meliputi sunnah dalam perbuatan, percakapan dan taqirir bagin Rasulullah saw bagi membina kekuatan diri daripada terpengaruh unsur-unsur negatif yang semakin berleluasa.. Pelajar hendaklah berusaha menambah ilmu berkenaan amalan sunnah dengan menghadiri program-program kerohanian yang dijalankan oleh pensyarah, persatuan Islam dan Pusat Islam Universiti Selangor yang boleh meningkatkan pengetahuan dan pengamalan sunnah. Beberapa program dan aktiviti yang telah dijalankan seperti program sempena Maulidur Rasul, gempur subuh dan pelbagai lagi.

Rumusan

Secara umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan pelajar tentang ganjaran yang akan diperoleh apabila melakukan sunnah akan membantu pelajar untuk terus mengamalkannya. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan rujukan dan garis panduan untuk merancang dasar untuk penambahbaikan penerapan amalan sunnah dari masa ke masa terutama dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Selangor. Kefahaman tentang sunnah berkaitan perbuatan harian merupakan suatu perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana kefahaman tentang sunnah itu dapat menanamkan keimanan dalam hati seseorang dan secara tidak langsung akan diterjemahkan dalam perbuatan seharian.

Rujukan

- Bashah Abu Bakar. (2011). Amalan Sunnah dalam Kalangan Awal Remaja. Dalam Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah (Ed.), *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa* (Vol.1, pp 303-316). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Balakrishnan, R. (2006, March). Why aren't we using 3D user interfaces, and will we ever? Paper presented at the IEEE Symposium on 3D User Interfaces. <http://dx.doi.org/10.1109/vr.2006.148>
- Mohd Khairi Bin Shafie Dan Mohamad Khairi Bin Haji Othman 2106 Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud & Abdulsoma Thoarlim (September , 2015). *Kepentingan Memberi Salam Dan Etika Berpakaian Menurut Islam*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. [https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/65 - Khiral Anuar Daud.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/65_-_Khiral_Anuar_Daud.pdf)
- Sholihah Kaswari, Latifah Abdul Majid, Mohd Arif Nazri & Ahamad Asmadi Sakat. (2016). *Konsep Fiqh al-Sunnah Menurut al-Qaradawi*. *Jurnal al-Turath*. 1(1), 74-83. <http://journalarticle.ukm.my/13546/1/10-7-2-PB.pdf>
- Seri Kartini Binti Jurami. (2012). *Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Melalui Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar*. *Islamiyyat*. 35(1), 29-38. <http://journalarticle.ukm.my/6866/1/4189-9646-1-SM.pdf>
- Syaikh Abdullah bin Hamoud al-Furaih. (2016). *Sunnah Rasulullah Sehari-hari*. Indonesia: Maktabah Darussalam